

Usaha meningkatkan lagi taraf perguruan silat

# Perkunis diterima anggotai Persisi

**PERGURUAN KUNINGAN SINGAPURA (Perkunis)** — ialah perguruan silat yang terbaru, lahir di Singapura. *Pencak Silat*

Ini menjadikan jumlah anggota Persekutuan Silat Singapura (Persisi), kepada 14 perguruan. Persisi juga mempunyai tiga badan kerabat yang mempunyai perguruan-perguruan silat yang ber-naung di bawahnya.

Perkunis mempunyai 14 orang anggota jawatan-kuasa pengurus dengan Encik Johari Uriff selaku Yang Dipertua dan Encik Muhammad Mustaffa, jurulatih silat itu, menjadi Setiausaha.

Penasihatnya ialah Encik Hussin Mohamed, yang juga menjadi guru utama Perkunis.

Sejak didaftarkan oleh Pendaftar Persatuan pada 7 September lalu, Perkunis telah mengadakan latihan tiga jam setiap Ahad mulai 7.30 malam di gelanggang Persatuan Jurulatih Pertahanan Diri Singapura (SMAIA), di Persatuan Rakyat (PA) di Kallang.

Sejauh ini, ia mempunyai seramai 70 orang anggota. Perguruan itu akan terus berusaha menambah jumlah anggotanya.

Encik Johari, yang juga menjadi Setiausaha Agung

Oleh SUHAIMI MOHSEN

Persisi berkata, penubuhan Perkunis adalah sejarah dengan matlamat Persisi untuk menggalakkan penubuhan lebih banyak perguruan silat.

Katanya: "Matlamat Perkunis ialah untuk mengembangkan silat sebagai cabang budaya Masyarakat Melayu.

"Ia juga bertujuan menonjolkan kesenian silat Melayu dalam bentuk olahraga."

Empat aspek — silat sebagai cabang seni, silat sebagai seni pertahanan diri, silat sebagai olahraga dan silat kebatinan yang memerlukan kekuatan dan tumpuan daya mental — akan ditekankan.

**28 DEC 1985  
Naungan**

Silat kuningan pernah wujud di bawah naungan Himpunan Queenstown, tetapi telah tidak aktif sejak 1983. Encik Johari menekankan bahawa Perkunis bukanlah pengganti silat kuningan itu.

Menerangkan mengapa beliau menubuhkan Perkunis, Encik Johari berkata seni silat perlu digiatkan untuk meneruskan nilai budaya.

"Kalau tidak, seni silat akan hilang ditelan masa. Kita harus berusaha mempertahankannya.

"Tengok sahaja Jepun, walaupun mereka begitu maju dalam perusahaan, namun seni mempertahankan diri mereka tetap maju.

"Dalam hal ini, ibu bapa boleh memainkan peranan menggalakkan anak-anak mereka belajar silat. Anggaplah silat sebagai satu cabang seni, hobi dan olahraga," ujar Encik Johari.

Perkunis, kata Encik Johari, akan berusaha memastikan bahawa pesilat-pesilatnya menjalani latihan yang cukup dan sempurna agar pelatih silat itu benar-benar terlatih sebelum dituliahkan ke peringkat silat yang lebih tinggi.

Ini termasuklah menyediakan sukanan pelajaran yang tersendiri yang memerlukan latihan yang gigih dan disiplin diri yang tinggi sebelum pelatih diberi warna *bengkong* — satu tanda peringkat kemahiran bersilat.

Perkunis membuka dua jenis keanggotaan — anggota biasa dan anggota khusus untuk berlatih silat.

Yuran keanggotaannya ialah \$8.00 setahun semestara yuran untuk mengikuti kelas silat ialah \$12.00 sebulan.

"Kami sengaja mengenakan yuran silat yang mahal agar para pelatih terasa terikat dan bersungguh-sungguh menjalani latihan. Kalau tidak mereka akan ambil lewat sahaja," kata Encik Johari.

Bagi mereka yang ingin menjadi anggota Perkunis, mereka boleh menghubungi Encik Johari di alamat Blok 10, Eunos Crescent, 07-2731.

Perkunis juga mengeluarkan kad anggota tersendiri. Tanpa kad tersebut, mereka tidak boleh masuk ke gelanggang latihan.



**ENCIK JOHARI URIFF**  
...galak lebih banyak perguruan